

12/01/1998

Pasaran saham dijangka ikuti pergerakan ringgit

SELEPAS susut 14 peratus nilainya dalam minggu pertama urus niaga bagi 1998, pasaran saham tempatan dijangka mengekori rapat pergerakan ringgit minggu ini termasuk mata wang lain serta bursa saham serantau.

Petunjuk utama pasaran iaitu Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencecah di bawah paras 500 mata minggu lalu apabila ringgit mencatat tahap paling rendah ke paras 4.88.

Selepas terus jatuh dalam dagangan nipis, ia berupaya merangkak kembali untuk ditutup pada 491.60 mata pada Jumaat, jatuh 80.36 mata berbanding minggu sebelumnya. Indeks Emas turun 19.5 mata kepada 126.77, Indeks Perusahaan jatuh 76.58 kepada 1,016.75 dan Indeks Papan Kedua lega 31.69 mata kepada 127.42.

Seorang penganalisis di sebuah firma sekuriti tempatan berkata, sebarang pemantulan di BSKL akan bergantung kepada pergerakan ringgit serta mata wang lain di rantau ini.

Katanya, dengan rupiah merudum bagi mengetuai kejatuhan berterusan mata wang serantau, prestasi pasaran saham tempatan dan ringgit sukar diramalkan. Kejatuhan berleluasa mata wang dan bursa saham serantau menyebabkan BSKL bergolak turun-naik sepanjang minggu lalu.

Beliau berkata, dengan kelemahan ringgit yang nilainya susut minggu lalu iaitu hampir menggambarkan penurunan harga saham, menyebabkan bayaran hutang asing di kalangan syarikat tempatan semakin membesar secara mendadak.

"Nilai ringgit yang susut sudah pasti memberi kesan pukulan teruk terhadap pasaran keseluruhannya," katanya.

Ringgit tersekat daripada menghampiri paras 5 unit berbanding satu dolar Amerika dan seterusnya menjadi stabil minggu lalu berikutan campur tangan oleh Bank Negara Malaysia (Bank Negara) pada Rabu, Khamis dan Jumaat.

Bagaimanapun, sesetengah penganalisis berkata Bank Negara kemungkinan besar akan memasuki pasaran sekali lagi minggu ini jika mata wang serantau seperti rupiah terus lemah yang mungkin mempengaruhi ringgit, untuk sekali lagi menghalang ringgit menghampiri paras 5 unit itu.

Ahli ekonomi tempatan pula berkata jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu bahawa ekonomi negara masih stabil dijangka mempengaruhi sedikit sebanyak rasa lega kepada ketegangan dalam pasaran.

Minggu lalu, ringgit ditutup lemah kepada 4.5600/90 berbanding dolar Amerika daripada penutup 3.9250/50 pada minggu sebelumnya, sebelum mencecah paras terendah 4.8800 pada Rabu di atas permintaan kukuh bagi dolar.

Kejatuhan menjunam dalam ringgit menyebabkan campur tangan Bank Negara yang menyaksikan unit tempatan meningkatkan hampir kepada paras 4.5900 dan 4.6000.

Pada asas mingguan, ringgit jatuh berbanding dollar Singapura kepada 2.5814/57 daripada 2.3218/05, menurun berbanding yen kepada 3.4817/60 bagi 100 yen daripada 2.9859/58, susut berbanding deutschemark kepada 2.5170/45 daripada 2.1750/17 dan jatuh berbanding paun sterling kepada 7.3764/57 daripada 6.4464/68.

(END)